



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
23 OKTOBER 2025



6 Utusan Malaysia
KHAMIS • 23 OKTOBER 2025

Dalam Negeri

SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-47



26 - 28 OKTOBER 2025

Tahun kemahiran ASEAN tumpu pembangunan modal insan

Oleh HASIF IDRIS
utusannews@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Tahun Kemahiran ASEAN 2025 memberi fokus kepada pembangunan kemahiran dan pelaburan bersama dalam modal insan sebagai teras kepada pertumbuhan serantau.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, kemahiran melangkaui sempadan dan masa depan ASEAN terletak pada keupayaan negara-negara anggota untuk melabur kepada rakyat.

Beliau berkata, ia terutamanya melibatkan golongan belia yang merupakan majoriti daripada hampir 700 juta penduduk rantau ASEAN.

"Masa depan ASEAN terletak pada kekuatan rakyatnya. Kita tidak mampu membentuk masa depan secara bersendirian.

"Ilmu tiada sempadan dan bakat apabila dibangunkan secara bersama mampu mengangkat seluruh rantau ini," katanya di Forum Kemahiran Global (GSF) 2025, di sini semalam.

OPENING CEREMONY OF GLOBAL SKILLS FORUM

Officiated by
The Honourable Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi
Deputy Prime Minister of Malaysia
and Minister of Rural and Regional Development

22 October 2025 | Wednesday | Sh...



AHMAD Zahid Hamidi pada Majlis Pelancaran Forum Kemahiran Global (GSF) 2025 di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim (tiga, kiri). - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON

Ahmad Zahid berkata, antara agenda Kepengerusan ASEAN Malaysia 2025 yang sedang digerakkan untuk mengubah 'dividen belia' ASEAN menjadi pemacu inovasi dan kemakmu-

ran jangka panjang.

"Fokus utama adalah pembangunan kerangka pengiktirafan kemahiran rentas sempadan, melalui kerjasama erat antara Sekretariat ASEAN, Per-

tubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Pertubuhan Majikan Antarabangsa (IOE).

"Justeru, tiga komponen utama diberi tumpuan iaitu memperkukuh sistem kemahi-

ran nasional dengan penyelarasan antara pendidikan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Revolusi Industri 4.0 dan ekonomi hijau," katanya.

'Dividen belia' merujuk manfaat ekonomi dan sosial yang boleh diperoleh oleh sesebuah negara apabila mempunyai jumlah penduduk muda yang besar, terutamanya jika golongan belia sihat, berpendidikan, mempunyai kemahiran yang relevan serta berpeluang untuk bekerja dan menyumbang kepada ekonomi.

Beliau berhasrat mahu memperluas peluang latihan semula dan peningkatan kemahiran, khususnya untuk wanita, belia, orang kurang upaya (OKU) serta pekerja dalam sektor tidak formal.

"Kita boleh mempromosikan pengiktirafan kemahiran secara serantau, bagi membolehkan ASEAN bergerak sebagai satu pasukan dengan tenaga kerja yang bergerak bebas, berdaya saing dan bersedia untuk masa depan," katanya.

TVET lahir generasi kreatif, berperikemanusiaan

Kuala Lumpur: Tumpuan Malaysia terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan modal insan bukan sekadar bertujuan melahirkan tenaga kerja tetapi membentuk

generasi yang yakin, kreatif dan berperikemanusiaan. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata setiap transformasi yang dilaksanakan di negara ini, sama ada digital atau industri perlu kekal berpusat-

kan manusia bagi memastikan manfaatnya dinikmati rakyat, bukan sebaliknya. Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, berkata walaupun teknologi, termasuk kecerdasan buatan (AI) membuka peluang baharu, namun ia juga mendatangkan risiko, daripada peningkatan ketidaksamaan hingga kepada menggantikan pekerjaan.

"Jika tidak dikawal, ia boleh mendalamkan jurang antara mereka yang mempunyai akses kepada kemahiran dan tidak memilikinya.

"Justeru, pembangunan kemahiran mesti dianggap bukan perkara sampingan, tetapi sebagai asas kepada daya tahan negara.

"Kita tidak boleh membina bandar pintar tanpa warganegara yang bijak dan kita juga tidak boleh mengejar inovasi tanpa keterangkuman.

"Kita membentuk satu generasi yang yakin, kreatif dan berperikemanusiaan yang akan berdiri teguh pada era AI, bukan sebagai pengikut mesin tetapi sebagai yang menguasainya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Forum Kemahiran Global 2025, sempena Tahun Kemahiran ASEAN 2025 di sini, semalam.

Yang turut hadir Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Bakar dan Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Gilbert F Houngbo.

Ahmad Zahid berkata, upaya untuk belajar atau sebaliknya dan belajar semula akan menentukan sama ada sebuah negara itu akan bangkit atau jatuh dalam ekonomi global yang semakin mencabar.

Malaysia bagaimanapun katanya, melihat perkara itu bukan sebagai cabaran yang perlu ditakuti tetapi peluang untuk melakukan transformasi.

"Kita mesti sedar bahawa jurang besar yang seterusnya bukan lagi antara negara kaya dan miskin, tetapi antara masyarakat yang berkemahiran atau sebaliknya.

"Malaysia, menerusi inisiatif strategik di bawah kerangka Malaysia MADANI, sedang mereformasi ekosistem kemahiran, menyelaraskan pendidikan dengan industri, mengintegrasikan TVET dengan teknologi dan menerapkan pembelajaran berteraskan nilai da-

lam agenda nasional kita," katanya.

Pada masa sama, Ahmad Zahid berkata, sebagai Pengerusi ASEAN, Malaysia bertekad untuk menukar potensi kepada kemajuan, termasuk melalui pembangunan kerangka baharu bagi pengiktirafan kemahiran merentasi sempadan serta pelaburan bersama dalam modal insan, menerusi Kementerian Sumber Manusia dan HRD Corp.

Bagi Tahun Kemahiran ASEAN pada tahun ini, Malaysia menggariskan beberapa keutamaan, antaranya memperkuatkan sistem kemahiran negara yang menyelaraskan pendidikan dan TVET dengan Industri 4.0 serta ekonomi hijau.

"Keutamaan turut diberikan kepada memperluas peluang untuk latihan semula dan peningkatan kemahiran bagi wanita, belia, orang kurang upaya (OKU) dan pekerja dalam sektor tidak formal.

"Selain itu, mempromosi pengiktirafan bersama kemahiran merentasi sempadan supaya ASEAN dapat bergerak seiring sebagai satu entiti dengan tenaga kerja yang mudah alih, berdaya saing dan bersedia untuk masa hadapan," katanya.

Ibadat & Fadilat

Ibnu Abbas RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa melazimi istighfar, Allah SWT akan menjadikan jalan keluar bagi setiap kesempitannya dan kelapangan daripada setiap kebimbangannya itu kelapangan serta dikurniakan rezeki daripada sumber tidak disangka-sangka kepadanya." (HR Abu Daud)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:56	1:05	4:25	7:02	8:13
Alor Setar	5:55	1:05	4:24	7:02	8:13
P. Pinang	5:55	1:05	4:24	7:03	8:13
Ipoh	5:52	1:03	4:21	7:02	8:12
Kuala Lumpur	5:49	1:00	4:19	7:00	8:10
Shah Alam	5:49	1:00	4:19	7:00	8:10
Johor Bahru	5:39	12:52	4:09	6:53	8:03
Kuantan	5:43	12:55	4:12	6:55	8:05
Seremban	5:47	12:59	4:17	6:59	8:09
Bandar Melaka	5:45	12:58	4:16	6:58	8:09
Kota Bharu	5:48	12:58	4:17	6:55	8:02
K. Terengganu	5:44	12:54	4:13	6:52	8:02
Kota Kinabalu	4:52	12:02	3:21	6:00	7:10
Kuching	5:14	12:27	3:44	6:28	7:38

ILO pertama kali datang Malaysia, Steven Sim rai dengan raja buah

KUALA LUMPUR - Lawatan rasmi Ketua Pengarah Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization*) atau ILO, Gilbert F Houngbo ke Malaysia menjadi detik bersejarah dalam hubungan dua hala negara.

Bagi meraikan kunjungan pertama kali tersebut, Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong mengadakan pertemuan santai sambil menikmati makan tengah hari bersama pemimpin triparti melibatkan wakil kerajaan, majikan dan pekerja.

Sesi tengah hari yang diadakan di Restoran Cili Kampung, Kuala Lumpur itu diserikan dengan jamuan hidangan tempatan termasuk raja buah iaitu durian yang menjadi tarikan utama kepada para delegasi ILO.

Suasana santai dan penuh dengan keakraban tersebut mencerminkan semangat keterbukaan dan persahabatan yang menjadi asas hubungan Malaysia-ILO sejak sekian lama.

Pertemuan yang turut disertai oleh wakil kerajaan, pekerja dan majikan berkenaan menyerlahkan lagi semangat saling menghormati dan kepercayaan sebagai tunjang kerjasama triparti di Malaysia.

Antara yang hadir, Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia, Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman dan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, Datuk Abdul Halim Mansor.

Hadir sama, Naib Setiausaha Agung Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di



Steven (kanan) menjamu selera bersama Ketua Pengarah ILO, Gilbert F Houngbo dengan raja buah.



Steven Sim (dua dari kanan) meraikan kedatangan pertama kali Ketua Pengarah ILO, Gilbert F Houngbo (dua dari kiri) ke Malaysia yang menjadi detik bersejarah dalam hubungan dua hala negara.

“Gabungan global tersebut merupakan inisiatif ILO yang ditubuhkan sejak tahun 2023 bertujuan memperkukuhkan usaha global ke arah keadilan sosial sejagat.”

- Steven Sim

Dalam Perkhidmatan Awam, Mohd Zool Asmani Mahmood dan Setiausaha Bahagian Antarabangsa, Kementerian Sumber Manusia, Raja Mohd Nizam Raja Kamarulbaharin.

Dalam pertemuan itu, Steven Sim turut memaklumkan hasrat Malaysia untuk menyertai *Global Coalition for*

Social Justice semasa Persidangan Buruh Antarabangsa (ILO) sesi ke-114 pada tahun depan.

Gabungan global tersebut merupakan inisiatif ILO yang ditubuhkan sejak tahun 2023 bertujuan memperkukuhkan usaha global ke arah keadilan sosial sejagat.

Penyertaan Malaysia kelak akan menzahirkan komitmen negara untuk terus melindungi hak pekerja, memperluas jaringan perlindungan sosial dan menyokong pencapaian Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Ketua Pengarah ILO berkenaan dijadualkan hadir ke *Global Skills Forum* (GSF) pada Rabu, anjuran Human Resource Development Corporation (HRD Corp), sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KESUMA).

Forum tersebut menjadi wadah penting bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam agenda pembangunan kemahiran dan pekerjaan masa depan.

NewStraitsTimes . THURSDAY, OCTOBER 23, 2025

4 | NEWS / Nation

EMPLOYEE WELFARE

ILO IMPRESSED WITH GIG WORKERS BILL

Chief of UN labour rights body pleased that both employers and unions supported initiative

KUALA LUMPUR

THE International Labour Organisation (ILO) has commended Malaysia's proactive measures in safeguarding the welfare of gig workers through the recently passed Gig Workers Bill 2025 in Parliament.

Malaysian Employers Federation (MEF) president Datuk Dr Syed Hussain Syed Husman said ILO director-general Gilbert F. Houngbo was impressed with Malaysia's efforts to boost labour protection, particularly through what is considered the world's first comprehensive legislation directly addressing gig workers.

"We briefed (Houngbo) on Malaysia's Gig Workers Bill, which was passed by the Dewan Negara on Sept 9. He was pleased with how employers and unions

supported the initiative," he said.

He also said the act reflected Malaysia's commitment to ensuring fair treatment and protection for all segments of the workforce.

"The act ensures that gig workers are no longer left out of the basic protection offered by labour laws. It provides a framework for social security, minimum wages and compensation for illness and injury."

He said the strong cooperation between the government, employers and unions, under Human Resources Minister Steven Sim's leadership, has been instrumental in making such progressive policies possible.

"We are fortunate to have a minister who is open, approachable and committed to stakeholder engagement. Under (Sim's) leadership, tripartite discussions between the government, employers and unions have been effective in resolving issues and advancing worker welfare."

He said MEF also updated the ILO on other recent developments, including the introduction of a two per cent social security contribution for foreign workers and the government's 24-hour protection coverage for work-related accidents, which demon-

strated Malaysia's seriousness in ensuring no worker is left behind.

He said ILO's positive feedback reflected the success of Malaysia's tripartite framework and institutions, such as the National Labour Advisory Council and the National Wages Consultative Council, which play vital roles in maintaining industrial harmony.

Meanwhile, Malaysian Trades Union Congress president Datuk Abdul Halim Mansor said it hoped the ILO would provide more support in the form of capacity building, leadership and technical funding to strengthen the implementation of laws and social protection at all levels.

He said Malaysia was on the right track to become an example of a developing country that prioritised the welfare of workers in line with international norms, which included comprehensive protection regardless of status, including contributions to the Employees Provident Fund and other social protection.

"(Sim) also made an effort to go to the ground by visiting 34 unions in 22 months, which proves the government's concern for the welfare of workers."

Bernama

HUMAN CAPITAL

Cross-border skills recognition in the works



Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi

KUALA LUMPUR: Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said Malaysia is working with the Asean Secretariat and the United Nation's International Labour Organisation (ILO) to develop frameworks for cross-border skills recognition and investment in human capital.

"Under Malaysia's Asean chairmanship, we aim to turn potential into progress.

"Through the Human Resources Ministry and HRD Corp, in collaboration with the Asean Secretariat, ILO and the International Organisation of Employers, we are developing new

frameworks for cross-border recognition of skills and shared investment in human capital," he said at opening the 2025 Global Skills Forum here yesterday.

As the country entered the era of artificial intelligence, he said, Malaysia remained convinced that it could not shape the future alone.

"Skills transcend borders, knowledge knows no nationality, and talent, when nurtured together, can lift an entire region.

"This is the spirit behind the Asean Year of Skills 2025, uniting the nations around one truth: the future of Asean lies in the strength of its people."

Zahid said the next global divide would be between skilled and unskilled societies, and that the ability to learn, unlearn and relearn would determine a country's success in the modern economy.

He said Malaysia saw this as an opportunity to transform.

"Through strategic initiatives under the Madani framework, we are reforming our skills ecosystem, aligning education with industry, integrating TVET (technical and vocational education and training) with technology, and embedding values-based learning into our national agenda."

THURSDAY | OCT 23, 2025

theSun NATIONAL

3

'Worker welfare must be at heart of AI progress'

BY QIRANA NABILLAH
MOHD RASHIDI
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: The world must not lose sight of workers' welfare amid rapid advances in artificial intelligence (AI) and global trade shifts, said Human Resources Minister Steven Sim Chee Keong.

Speaking at the Asean Year of Skills 2025: Global Skills Forum (GSF) opening ceremony, he said while technology continues to reshape industries and economies, workers' rights, protection and dignity must remain central to progress.

"As the world focuses on new trade alignments and power shifts, we must ensure the hard-won gains of workers over the past century are not only safeguarded but advanced further."

Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi was also present.

Sim cited the gig economy as an example of how millions still lack basic protections traditionally granted to employees.

"The more I reflect on the gig economy, the more I realise we are using 21st-century technology to generate profit while relying on 10th-century labour concepts of feudal serfdom."

He stressed that protecting workers also means preparing them for the future, with dignity depending not only on fair treatment but on access to education and upskilling.

Many universities, he noted, still follow outdated systems that no longer meet workforce demands.

"This is not to dismiss universities – they are improving, as seen in Malaysian institutions' rise in the QS World Rankings. However, IR 4.0 must also become a TVET revolution, as it is ultimately driven by skills."

Training, Sim said, must be agile and flexible to match industry needs, guided by three key principles – learning on the job, by practice and continuously.

Under Zahid's leadership, the National TVET Council and the Human Resources Ministry are developing a national training platform offering industry-approved local and international courses.

"Malaysia has already laid a strong foundation through HRD Corp, where employers contribute 1% of payroll to fund employee training."

Between 2023 and August this year, HRD Corp collected RM6.17 billion in levies, with RM5.77 billion used to train more than four million workers.

Sim said employers now have greater flexibility to use these funds for a wider range of practical and continuous learning programmes.

"In Budget 2026, the prime minister announced extra tax deductions for companies training workers in AI, showing Malaysia's commitment to a future-ready workforce."

Since 2023, the National Training Week has promoted lifelong learning through free courses, expanding from 130,000 participants to nearly four million in 2025.

"This initiative builds a culture of continuous learning that ensures no Malaysian is left behind."

Sim said Malaysia envisions Asean as a 700 million-strong skilled region united by shared cultures and traditions, making regional integration easier than ever.

The GSF, held for the first time in Malaysia, marks the culmination of the Asean Year of Skills 2025.

2025 | அக்டோபர் 23
வியாழக்கிழமை

நண்பன்

3



தொழில் திறன் பயிற்சி கல்விக்கு அரசாங்கம் அதிக முன்னுரிமை

கோலாலம்பூர், அக்.23 -

திவேட் எனப்படும் தொழில் திறன் பயிற்சி கல்வி வாயிலாக வாழ்நாள் முழுவதும் கற்றல், மனித மூலதன மேம்பாட்டில் அரசு கவனம் செலுத்துகிறது என துணைப் பிரதமர் டத்தோபுரீ அகமட் ஜாவாஹிர் ஹமிடி கூறினார். இது தொழில் சந்தைக்கு மட்டுமல்ல, செயற்கை நுண்ணறிவு உள்ளிட்ட தற்போதைய தொழில்நுட்பத்திற்கு ஏற்ப ஒரு படைப்பாற்றல் மிக்க தலைமுறையை உருவாக்குவதற்கான முன்முயற்சிகளை உள்ளடக்கிய ஒரு விஷயமாகும்.

முன்னேற்றத்தின்வழி ஒரு தேசம் மக்களுக்கு சேவை செய்ய வேண்டும். அந்த நம்பிக்கையை நாம் எப்போதும் விதைத்து வருகிறோம், கடைப்பிடித்து வருகிறோம். டிஜிட்டல் அல்லது தொழில்துறை என ஒவ்வொரு வகையான மாற்றமும் மக்களை மையமாகக் கொண்டதாக இருப்பதை நாம் உறுதி செய்ய வேண்டும்.

விவேக குடிமக்கள் இல்லாமல் நவீன மய நகரங்களை உருவாக்க முடியாது. மேலும் உள்ளடக்கத்தை உறுதி செய்யாமல் புதுமைகளைத் தொடர முடியாது.

உலகளாவிய திறன்கள் மன்றத்தின் 2025 தொடக்க விழாவில் அவர் தனது உரையின் போது இவ்வாறு கூறினார். மனிதவள அமைச்சர் ஸ்டீவன் சிம் சீ கியோங் இந்நிகழ்வில் துவக்க உரை நிகழ்த்தினார்.

திறன் அமைப்பை வலுப்படுத்துதல், திவேட், தொழில் புரட்சி 4.0 ஆகியவற்றை ஒருங்கிணைத்தல், பசுமைப் பொருளாதாரம் ஆகியவை அரசாங்கத்தின் முன்னுரிமைகளில் அடங்கும். அவை மனிதவள அமைச்சால் உருவாக்கப்பட்ட கட்டமைப்பை செயல்படுத்துவதன் மூலம் பின்பற்றப்படுகின்றன.

இரண்டாவதாக, பெண்கள், இளைஞர்கள், மாற்றுத்திறனாளிகள், முறைசாரா துறையில் உள்ள தொழிலாளர்களுக்கு மறுபயிற்சி, திறன்களை மேம்படுத்தும் வாய்ப்புகளை விரிவுபடுத்துதல் என்று ஹமிடி கூறினார்.

தொழிலாளர்களுக்காக புதிய பயிற்சி தளம்



கோலாலம்பூர், அக்.23-
மலேசிய
தொழிலாளர்களுக்கு
என்று ஒரு புதிய பயிற்சி
தளத்தை மனிதவள
அமைச்சர் உருவாக்குகிறது
என மனிதவள அமைச்சர்
ஸ்டீவன் சிம் கூறினார்.
அனைத்து சமூகப்
பிரிவுகளும் அணுகக்கூடிய

ஒரு புதிய தொழில்துறை,
அங்கீகரிக்கப்பட்ட பயிற்சி
தளத்தை நிறுவுவதற்காக
அமைச்சர் அளவிலான ஒரு
திட்டத்தை உருவாக்கி
வருகிறது.
உள்ளூர், உலகளாவிய
பயிற்சி நிபுணர்களிடமிருந்து
சிறந்த திறன் படிப்புகளை
இந்த தளம் தொகுத்து

ஒருங்கிணைக்கும்.
தொழிலாளர் கல்வி என்பது
பணியிடத்தில் கற்றல்,
நடைமுறை பயன்பாடு,
தொடர்ச்சியான மேம்பாடு
ஆகியவற்றை இணைக்க
வேண்டும்.
வேகமான தொழில்துறை
மாற்றங்களை விரைவாக
மாற்றியமைக்க பயிற்சித்

திட்டங்கள் கருசுறுப்பாகவும்
நெகிழ்வாகவும் இருக்க
வேண்டும். தொழில்துறை
புரட்சி 4.0 என்பது திறன்
மேம்பாட்டை மையமாகக்
கொண்ட தொழில்நுட்ப,
தொழிற்கல்வி, பயிற்சி
புரட்சியாக மாற வேண்டும்.
கோலாலம்பூரில் நேற்று
நடைபெற்ற ஆசியான்
திறன் ஆண்டு 2025
உலகளாவிய திறன்கள்
பற்றிய கருத்தரங்கில்
தனது தொடக்க உரையின்
போது அமைச்சர் இந்தக்
கருத்துகளை தெரிவித்தார்.
எச்ஆர்டி கோர்ப் மூலம்
தொழிலாளர் சந்தையில்
மலேசியாவின் திறன்
மேம்பாடு, மறுதிறன்
மேம்பாட்டை வெற்றிகரமாக
ஒருங்கிணைத்ததை சிம்
எடுத்துரைத்தார்.